

14/10/2000

Memugar strategi kependekaran politik Melayu

Maarop Md Noh

MAJLIS perbincangan mengenai strategi secara mengadaptasi ilmu mempertahankan diri bangsa Melayu memang jarang dilakukan, terutama oleh generasi muda. Tetapi minggu lalu, Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Gombak mengambil langkah ke hadapan apabila kira-kira 50 ketua dan pegawai penerangan cawangan pergerakan itu membincangkan strategi memperkukuh masa depan politik, negara, bangsa Melayu dan agama Islam dengan memartabatkan kehebatan silat Melayu dan kelunakan air.

Beberapa ahli strategi tempatan menyertai majlis itu yang diadakan di sebuah kompleks pelancongan di Port Dickson. Majlis itu begitu menarik. Walaupun hanya satu bahagian Pemuda menganjurkannya, ia mencerminkan kepekaan dan keprihatinan mereka terhadap politik tanah air, bangsa, agama dan masa depan negara.

Jika sebelum ini, Pergerakan Pemuda dilabel tidak mempunyai strategi ampuh, tetapi dengan menyerap ilmu kependekaran Melayu ke dalam politik, tanggapan umum itu perlu dirombak atau dinilai semula.

Mereka kini sedar dalam diri dan jati diri Melayu tersembunyi strategi politik yang tinggi. Antara strategi yang paling menarik ialah silat Melayu dan Keris Berlok Tujuh, Bersepuh Air Pelunak Batan.

Walaupun dari segi sejarah, aplikasi strategi keris itu bukan sesuatu yang baru, malah sudah diamalkan sejak bangsa Melayu menguasai alam Melayu kira-kira 3,000 tahun lalu, kesedaran Pemuda Umno itu ternyata memberi suntikan semangat dan penilaian baru kepada silat dan gerak air.

Sebenarnya, strategi itu berjaya memperkukuh kerajaan Mataram, Sriwijaya, Majapahit, Palembang, kerajaan Melaka sebelum jatuh ke tangan Portugis pada 1511, kerajaan Patani, bangsa Melayu di Burma, Kemboja dan di Vietnam. (Lihat Sejarah Melayu, Tun Seri Lanang dan Hang Tuah)

Sebelum penjajah menakluki alam Melayu, senjata utama bangsa Melayu adalah keris. Malah, kerana keunggulannya, ada antara masyarakat Melayu yang beranggapan keris mempunyai kuasa sakti. Kerana itu, ramai pewaris mengasapnya dengan kemenyan dan menyintuk dengan limau.

Dalam strategi, keris adalah perlambangan cara untuk menguasai dan memusnahkan musuh. Tikaman keris berlok tujuh atau dikenali sebagai keris panjang, pasti membawa maut. Semua usus sehingga ke tulang belakang akan putus dan terburai.

Keberkesanan ini dipindahkan ke dalam strategi politik sebagai tindakan menguasai lawan dengan ketajaman tindakan, ketangkasan berfikir dan menyaring, memerangkap dan mematahkan serangan lawan. Ilmu dan kecekapan membaca gerak musuh adalah inti kehebatan keris berlok tujuh.

Biasanya keris berlok tujuh akan diapit keris pendua berlok tiga atau kerewang, kerambit, lading malah ada juga yang menggunakan rencong. Semua senjata ini digerak dan dimanfaatkan secara bersepadu dan menjalin ilmu mempertahankan diri yang dinamakan silat.

Kepantasan menggunakan keris panjang dan pendek tidak akan sempurna tanpa penguasaan ilmu kependekaran dalam silat Melayu. Di dalam gerak silat yang berlapis-lapis itu, tersembunyi rahsia kekuatan strategi bangsa Melayu.

Dalam gerak silat, ada langkah tertentu untuk mempertahankan diri, memerangkap dan mengelirukan musuh serta bertenang. Antara langkah paling terkenal ialah langkah tiga. Dalam langkah ini, tindakan menangkis lawan atau menyerang dengan langkah satu, kemudian diikuti langkah dua sebagai tindakan menilai situasi. Selepas itu pendekar akan menggunakan langkah

tiga untuk membunuh atau menguasai musuh.

Semua ini dipindahkan ke dalam strategi politik dan organisasi perniagaan, kemasyarakatan, pendidikan, kebudayaan, dan memartabatkan minda, tenaga, suasana, kawasan dan ekonomi.

Silat Melayu diakui mempunyai martabat ilmu mempertahankan diri yang tinggi. Panglima Melayu lima bersaudara dari Melaka, misalnya, menguasai ilmu silat yang tinggi. Menurut Sejarah Melayu, Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu belajar silat daripada Sang Adi Putera sehingga ke martabat langkah ke-35.

Menurut pakar persilatan Melayu, martabat langkah 35 adalah martabat tertinggi. Pada peringkat ini, seseorang itu mempunyai kemantapan berfikir, bertindak, menapis, menyerang, melumpuh dan penguasaan. Mereka yang menguasai peringkat ini dianggap mempunyai kekuatan fizikal dan mental yang tinggi.

Dalam hubungan politik dan kenegaraan, pergerakan silat seperti, langkah, tepisan, andaian, buah, bunga, tari, cembung, pepat, belebat, gayung, merencong, sepak, terajang, lompat, kekuda, menunduk dan pelbagai lagi mempunyai erti tertentu yang apabila diterjemahkan ke dalam strategi politik, ia cukup berkesan.

Di negara ini, ahli strategi yang paling digeruni sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa adalah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ramai pemimpin dunia mencemburui kehebatan Dr Mahathir. Keberanian beliau memberi semangat dan kekuatan baru kepada bangsa Melayu. Sepak terajang politiknya ternyata nama mengharumkan negara sehingga ke persada dunia. Kerana kehebatannya itu, beberapa pihak di peringkat antarabangsa dan dalam negara berusaha untuk menjatuhkan beliau.

Tetapi, seperti biasa, semua taktik musuh berjaya ditangkis oleh Perdana Menteri. Antara yang paling nyata ialah konspirasi antarabangsa menjatuhkan dan merosakkan ekonomi negara pada 1997-1998. Selain itu, ada beberapa usaha lain seperti menggunakan media Barat untuk mencemar imej Dr Mahathir. Terbaru ialah usaha sebuah pertubuhan Islam di Amerika membatalkan undangan kepada Perdana Menteri berucap di forum anjuran mereka.

Ketika pilihan raya 1999, Umno kehilangan 20 kerusi Parlimen yang sekaligus mengurangkan majoriti bangsa Melayu sebagai pembuat dasar utama. Ramai berpendapat dengan kedudukan itu Umno sedang melalui zaman menurunnya. Menyedari hakikat ini, Dr Mahathir tampil dengan strategi hentak halilintar dalam persilatan Melayu. Hentakan halilintar itu diikutinya dengan acahan ramalan peribadinya terhadap kemungkinan Malaysia diperintah oleh Perdana Menteri bukan Melayu.

Acahan itu ternyata mencabar minda bukan saja bangsa Melayu, malah kaum lain, termasuk kaum Cina yang diwakili oleh Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu). Mereka berani menyentuh sesuatu yang sudah jelas dalam Perlembagaan. Suqiu ingin menghapuskan pelbagai hak orang Melayu. Walaupun persoalan itu dikatakan sudah diselesaikan, dalam politik ia menimbulkan kesan yang cukup mendalam, khususnya kepada Umno.

Dalam hubungan ini, Pemuda Umno menuntut supaya semua kaum di negara ini kembali kepada Perlembagaan Negara. Hanya dengan cara itu saja, mereka boleh memahami kepentingan bangsa bagi menjamin ketenteraman dan kestabilan negara.

Pada peringkat antarabangsa, penterjemahan ilmu mempertahankan diri ke dalam strategi politik dan organisasi bukanlah perkara baru. Malah, Sun Tzu Ba Ming-fa, panglima perang China, sudah mempraktikkannya kira-kira 2,000 tahun lalu.

Bukunya *The Art Of War* diterjemahkan ke dalam hampir 23 bahasa di dunia. Selain Sun Tzu, ada banyak lagi buku mengenai ilmu mempertahankan diri diterjemah ke dalam strategi politik. Antaranya ialah *Thick Face Black*

Heart dan Asian Mind Games oleh Chin-Ning Chu, Kung Ming, Tao, Wu Lee Dances dan pelbagai lagi. Begitu juga ilmu mempertahankan diri dari Jepun, khususnya Ninja dan Samurai, diserap ke dalam strategi politik. Antaranya ialah Mohashasi dalam bukunya, Five Rings.

Ramai pengkaji strategi mengakui kehebatan Sun Tzu, Kung Ming, Tao, Samurai dan semua ilmu mempertahankan diri China. Ia cukup berkesan mengukuhkan politik, ekonomi, bangsa dan negara. Antara yang paling dikagumi adalah gerakan Ninja yang diserap ke dalam strategi ekonomi, politik dan kebudayaan Jepun sehingga bangsa itu berjaya bangun daripada keruntuhan akibat bom atom pada 1945. Jepun kini menjadi kuasa ekonomi paling berkuasa di dunia.

Ringkasnya, usaha Pemuda Umno Bahagian Gombak adalah manifestasi kebangkitan semula pemuda dan bangsa Melayu dalam usaha memartabatkan strategi ilmu mempertahankan diri bangsanya sendiri ke dalam politik, ekonomi, negara, bangsa dan agama.

Mereka sedar, hanya dengan kembali kepada warisan dan kekuatan dalaman bangsa saja, maruah bangsa Melayu dan kemurnian agama Islam tidak tercalar. Mereka juga sedar selama ini memang ada unsur membalar dan meremehkan kemurnian silat Melayu, termasuk oleh mereka yang menggelar diri sebagai ulama. Bagaimanapun, Pemuda sudah memulakan semula usaha memartabatkan silat dan keris ke dalam bentuk baru - iaitu bentuk yang lebih luas dan berintegriti.

Seluruh anggota Pemuda Umno diajak menggunakan strategi silat Melayu dan air untuk mengukuhkan politik dan bangsa Melayu serta agama Islam. Mereka juga diajak menterjemahkan kehebatan silat dan kuasa air ke dalam ekonomi, kebudayaan, sosial, pendidikan dan perhubungan antarabangsa.

(END)